



SINGAPORE – CAMBRIDGE  
General Certificate of Education Normal (Technical) Level

**BAHASA MELAYU ASAS**  
Kertas 1 (Bahagian 2)

**1203/1**

**BASIC MALAY**  
Paper 1 (Part 2)

**SPECIMEN PAPER**  
*With effect from 2024 examination*

**1 hour 10 minutes**  
(Total Time for Part 1 and Part 2)

**ARAHAN UNTUK CALON**

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian; Bahagian 1: Penulisan Fungsional dan Bahagian 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman.

Bahagian 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman

2. Masa yang diperuntukkan bagi Bahagian 2: Penggunaan Bahasa dan Kefahaman ialah 40 minit.
3. Jawab **semua** soalan. Setiap soalan mengandungi empat pilihan (A, B, C dan D). Buat pilihan kamu dan klik jawapan pilihan kamu itu.
4. Apabila pengawas peperiksaan memberikan isyarat, klik '**Start**'.

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak dan 3 halaman kosong.




Singapore Examinations and Assessment Board


## BAHAGIAN A (5 MARKAH)


**Arahan:** Baca teks yang diberikan dengan teliti dan pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap soalan.


## Soalan A1 (2 markah)


# Blog Gaya Hidup Sihat


  
Kembali

  
Portfolio

  
Catatan

  
Arkib

  
Mesej



Saya kagum akan peralatan kesihatan yang ada dalam pasaran. Misalnya, alat mengawasi degupan jantung terkini yang jauh (1) \_\_\_\_\_ berbanding dengan model terawal. Alat ini (2) \_\_\_\_\_ digunakan kerana kebanyakannya boleh disarungkan langsung pada jari atau pergelangan tangan. Harga alat ini juga berpatutan dengan saiznya yang kecil.

- 1 (A) berbeza  
(B) pembeza  
(C) perbezaan  
(D) membezakan

- 2 (A) serasi  
(B) pantas  
(C) mudah  
(D) ringkas

## Soalan A2 (3 markah)

**Halaman**  
**22****Santai****Air Kelapa – Minuman Pilihan**

Air kelapa minuman yang berkhasiat. Dalam keadaan cuaca yang panas, air kelapa mampu menghilangkan rasa (3) \_\_\_\_\_ dan menyegarkan tubuh badan. Bagi sesetengah orang pula, air kelapa dikatakan boleh meningkatkan (4) \_\_\_\_\_ selepas penat bersenam atau melakukan kegiatan harian. Pengambilan air kelapa perlulah dilakukan secara konsisten (5) \_\_\_\_\_ tenaga dapat ditingkatkan. Selain itu, air kelapa juga dipercayai dapat mengawal tekanan darah dan baik untuk kesihatan seseorang.



- 3 (A) loya  
(B) pening  
(C) hangat  
(D) dahaga


- 4 (A) kelincahan  
(B) kecergasan  
(C) kepantasan  
(D) ketangkasan

- 5 (A) supaya  
(B) semasa  
(C) sehingga  
(D) sementara

(lihat halaman sebelah)

## BAHAGIAN B (10 MARKAH)


Arahan: Teliti poster yang berikut.



## Perkhemahan Teater 2024

anjuran


### Kelab Masyarakat Teratai




**Khas untuk remaja yang berusia antara 13-19 tahun**  
**Tarikh : 6-7 Januari 2024**  
**Tempat : Kelab Masyarakat Teratai**  
**20 Jalan Nuri**  
**Singapura 130020**

Objektif

menggalakkan penggunaan bahasa Melayu




Aktiviti Perkhemahan



<p style="text-align: center; font-weight: bold;"><i>Bengkel Drama</i></p> <p>Sertai bengkel drama anjuran Kumpulan Teater Suria. Pelajari perkara yang berkaitan dengan bidang teater dan usah lepaskan peluang untuk melibatkan diri dalam penghasilan drama berjudul 'Angkasa'.</p>	<p style="text-align: center; font-weight: bold;"><i>'Bisikan Bintang'</i></p> <p>Nikmati pementasan teater oleh Kumpulan Teater Pelangi. Kemudian, hadiri sesi beramah mesra bersama dengan para pelakon dan pengarah, Zaid Hakim.</p>
<p style="text-align: center; font-weight: bold;"><i>Pementasan Mini</i></p> <p>Tunjukkan kreativiti anda. Hasilkan satu pementasan mini secara berkumpulan yang bertemakan 'Alam Hijau' di bawah bimbingan penggiat teater terkenal, Liyana Amir.</p>	<p style="text-align: center; font-weight: bold;"><i>Sesi Dialog</i></p> <p>Ikuti sesi dialog bersama dengan pelakon teater terkenal, Sarah Amran yang akan berkongsi pengalamannya berlakon dalam drama 'Kakakku Sayang'.</p>

### Maklum Balas Peserta Perkhemahan Teater 2023




Perkhemahan yang menyertakan pelbagai aktiviti interaktif ini berjaya menarik minat saya dalam bidang teater.

Nadia Rahman

Aktiviti-aktiviti dalam perkhemahan ini terutama sesi dialog telah meluaskan pengetahuan saya tentang cabaran dalam bidang teater.

Syafik Mahmud



**Ayuh, sertailah Perkhemahan Teater 2024!**  
**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Cik Mira Jamil di talian 6202 0200.**

2024/SP/1203/1

**Arahan:** Berdasarkan poster yang diberikan, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap soalan.

- 6 Perkhemahan Teater 2024 diadakan untuk \_\_\_\_\_.
- (A) menggalakkan remaja menggunakan bahasa Melayu
  - (B) memberi remaja peluang menjadi peserta bengkel drama
  - (C) menunjukkan kreativiti remaja menghasilkan pementasan mini
  - (D) mengajar remaja perkara yang berkaitan dengan bidang teater
- 7 Perkongsian pengalaman dalam bidang teater akan disampaikan oleh \_\_\_\_\_.
- (A) Zaid Hakim
  - (B) Sarah Amran
  - (C) Kumpulan Teater Suria
  - (D) Kumpulan Teater Pelangi
- 8 Para peserta berpeluang untuk menyaksikan pementasan teater berjudul \_\_\_\_\_.
- (A) Angkasa
  - (B) Alam Hijau
  - (C) Bisikan Bintang
  - (D) Kakakku Sayang
- 9 Maklum balas yang diberikan oleh Nadia Rahman menunjukkan bahawa dia menggemari aktiviti yang \_\_\_\_\_.
- (A) kreatif
  - (B) menarik
  - (C) interaktif
  - (D) mencabar
- 10 Baca ayat-ayat yang diberikan dengan teliti. Berdasarkan poster yang diberikan, pilih ayat yang menyokong maklumat yang terdapat dalam poster tersebut.
- (A) Remaja berumur lebih daripada 19 tahun boleh menyertai Perkhemahan Teater 2024.
  - (B) Liyana Amir merupakan pengarah pementasan mini yang akan dianjurkan untuk para peserta.
  - (C) Penganjur Perkhemahan Teater 2024 ialah Cik Mira Jamil dari Kelab Masyarakat Teratai.
  - (D) Melalui sesi dialog yang diadakan, Syafik Mahmud mengetahui lebih banyak cabaran yang dihadapi dalam bidang teater.

(lihat halaman sebelah)

**BAHAGIAN C (10 MARKAH)****Soalan C1 (4 markah)**

**Arahan:** Baca berita di bawah ini dengan teliti.

**LELAMAN BERITA HUJUNG MINGGU****Usaha Tanpa Mengira Usia**

Oleh Nabila Ismail

Ahad 28 Januari 2024

Gaji yang kecil telah mendorong Puan Yana Halim untuk meningkatkan diri. Tujuannya agar dia mendapat pekerjaan yang bergaji lebih lumayan.

Lantas, Puan Yana menyertai pelbagai kursus. Kini, pada usia mencecah 50 tahun, dia berjaya mendapatkan diploma. Meskipun baru bekerja di sebuah syarikat tempatan yang terkenal, dia telah dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengurus.

Puan Yana masih ingat akan saat-saat dia harus ke tempat-tempat kursus yang terletak jauh dari rumahnya.

“Pada mulanya, memanglah saya penat. Akan tetapi, lama kelamaan rasa penat itu hilang bak kata pepatah, alah bisa tegal biasa. Saya cekalkan hati untuk menghadapi pelbagai cabaran kerana mahu meningkatkan mutu kehidupan keluarga saya,” ujar Puan Yana.

Semasa ditanya tentang nasihatnya kepada rakan sebaya yang ingin menimba ilmu, Puan Yana berkata, “Kita tidak boleh menjadikan usia sebagai penghalang untuk meneruskan pelajaran. Pada mulanya, saya kekok kerana rakan sekelas saya lebih muda daripada saya. Namun, saya kuatkan semangat kerana saya percaya bahawa pembelajaran sepanjang hayat penting.”



**Arahan:** Berdasarkan berita yang diberikan, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap soalan.

- 11 Puan Yana Halim menyertai kursus untuk meningkatkan kemahiran dirinya kerana dia \_\_\_\_\_.
- (A) mahu mendapatkan diploma
  - (B) telah mencapai usia 50 tahun
  - (C) hendak dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengurus
  - (D) ingin mendapatkan pekerjaan yang bergaji lebih lumayan
- 12 Nasihat Puan Yana Halim kepada rakan sebaya yang mahu menimba ilmu pengetahuan ialah mereka \_\_\_\_\_.
- (A) harus cekalkan hati untuk membaiki kehidupan keluarga
  - (B) tidak harus menjadikan umur mereka sebagai penghalang
  - (C) boleh menyertai kursus yang diadakan jauh dari rumah mereka
  - (D) tidak boleh berasa kekok mempunyai rakan sekelas yang lebih muda

(lihat halaman sebelah)

**Soalan C2 (6 markah)**


**Arahan:** Baca rencana di bawah ini dengan teliti.

## Tali Kasut

Tali kasut turut diberi perhatian dalam fesyen hari ini, khususnya dalam kalangan remaja yang pandai bergaya. Oleh itu, warna dan corak tali kasut disesuaikan mengikut cita rasa golongan ini.



Namun, fesyen tali kasut tidak terhad kepada warna dan coraknya sahaja. Malah, perhatian kini diberikan kepada cara mengikat tali kasut. Cara mengikat tali kasut yang lebih kompleks menjadi tumpuan masa kini. Semakin kompleks ikatannya, semakin menarik ikatan yang dihasilkan.



Yang jelas, hal ini mencabar kreativiti seseorang untuk menghasilkan pelbagai ikatan yang menarik. Ikatan yang pelbagai ini memberikan kelainan kepada fesyen tali kasut yang sedia ada. Di samping itu juga, cara mengikat tali kasut yang pelbagai dapat menambahkan keindahan kepada dunia fesyen tali kasut.

Yang menariknya, ikatan yang dihasilkan mempunyai namanya yang tersendiri. Nama ikatan seperti *loop back* dan *ladder* merupakan antara nama ikatan yang disenaraikan. Begitulah perkembangan fesyen tali kasut. Namun begitu, seseorang remaja juga harus memikirkan kesesuaian ikatan dengan jenis kasut yang dipakai. Hal ini perlu untuk memastikan seseorang remaja itu dapat bergerak dengan selesa.



**Arahan:** Berdasarkan rencana yang diberikan, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap soalan.

- 13** Fesyen tali kasut kini memberikan perhatian kepada \_\_\_\_\_ .
- (A) cara mengikat tali kasut
  - (B) cita rasa golongan remaja
  - (C) warna dan corak tali kasut
  - (D) remaja yang pandai bergaya
- 14** Bermacam-macam ikatan tali kasut direka untuk \_\_\_\_\_ .
- (A) mencabar kreativiti seseorang
  - (B) menjadikan tali kasut tumpuan masa kini
  - (C) memberikan kelainan kepada fesyen tali kasut
  - (D) menambahkan keindahan kepada dunia fesyen
- 15** Ikatan tali kasut yang dipilih haruslah bersesuaian dengan \_\_\_\_\_ .
- (A) nama ikatan yang unik
  - (B) jenis kasut yang dipakai
  - (C) pergerakan yang dilakukan
  - (D) perkembangan fesyen tali kasut

Selesai

**BLANK PAGE**

**BLANK PAGE**

**BLANK PAGE**

---

*Copyright Acknowledgements:*

Soalan A1  
Photographs

© <https://pixabay.com>

Soalan A2  
Photograph

© <https://pixabay.com>

Bahagian B  
Illustrations

© Microsoft Word - Icons; © SEAB

Soalan C1  
Illustrations

© Microsoft Word - Icons; © SEAB

Soalan C2  
Photograph  
Illustration

© <https://pixabay.com/>  
© SEAB

The Singapore Examinations and Assessment Board has made every effort to trace copyright holders, but if we have inadvertently overlooked any, we will be pleased to make the necessary arrangements at the first opportunity.